

IIC perkenal Diploma Pengurusan Halal

13 Oktober 2015 12:26 AM



KUALA LUMPUR 12 Okt. – Kolej Islam Antarabangsa (IIC) akan memperkenalkan bidang pengajian baharu iaitu Diploma Pengurusan Halal kepada pelajar lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam usaha menjadikan negara sebagai hab halal utama.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shamsul Kahar Haron berkata, bidang tersebut yang akan dijalankan selama dua tahun setengah dijangka memulakan pengambilan pertama pada tahun depan melibatkan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berpengalaman memberi latihan dan sijil pengesahan berkenaan produk halal.

Katanya, antara modul dan silibus yang dikenal pasti bagi program tersebut termasuklah undang-undang Islam dan perkara berkaitan halal yang akan diajar secara terperinci kepada pelajar supaya dapat terus berkembang sehingga di luar negara.

“Ini merupakan perkara baharu. Ramai yang masih tidak memahami secara jelas mengenai perkara ini dan mengambil mudah. Ini perlu ditekankan dalam pelbagai aspek dan bukan hanya dalam pemakanan semata-mata, tetapi turut berkaitan kosmetik dan pakaian.

“Kursus ini mampu berkembang dan menjadi contoh kepada negara lain terutama negara bukan Islam jika mereka melihat kepentingan pengurusan halal terutama dalam bidang ekonomi,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini hari ini.

Dalam pada itu, Shamsul Kahar berkata, pihaknya menyasarkan sebanyak 5,000 pelajar mendaftar di kolej tersebut menjelang tahun 2017 selepas berpindah ke tempat baharu di Petaling Jaya yang mempunyai prasarana lengkap untuk kemudahan pelajar.

Menurutnya, kemudahan lengkap tersebut penting bagi memastikan pelajar mengikuti proses pembelajaran dengan lebih selesa serta menjadikan kolej berkenaan setaraf dengan universiti yang ada di negara ini.

“Kita juga memberi peluang kepada golongan yang bekerja untuk menyambung pengajian mereka di peringkat sarjana pada masa akan datang. Mereka boleh melanjutkan pelajaran di sini dalam program Sarjana Pengurusan Perniagaan.

“Selain itu, IIC akan menjalinkan kerjasama dengan universiti luar negara seperti Australia dalam beberapa program yang telah dikenal pasti. Mereka telah memberikan persetujuan,” katanya.